

150 sertai Eco Bakau dalam usaha pulihara alam sekitar

SERAMAI 150 pelajar dan sukarelawan mengambil bahagian program Eco Bakau anjuran Jambatan Kedua Sdn Bhd (JKSB) dengan kerjasama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Pulau Pinang dan Persatuan Kebajikan Nelayan-nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA) di Pusat Pendidikan Kecil Paya Laut, Nibong Tebal, baru-baru ini.

Ketua Divisyen Operasi JKSB, Hussin Mohammad berkata, inisiatif tersebut merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu yang sentiasa memberi keutamaan kepada alam sekitar termasuk dari segi pemuliharaannya.

"Usaha pemuliharaan ini amat penting bagi memastikan kelangsungan jangka panjang ekosistem dan hidupan liar terutamanya di pesisiran pantai,"

katanya ketika merasmikan program tersebut yang turut dihadiri Timbalan Rektor Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIM&A) UiTM Pulau Pinang, Prof. Madya Dr. Kay Dora Abd. Ghani.

Turut diadakan sempena program itu ialah sesi perkongsian ilmu bertajuk 'Ekosistem Paya Bakau' dan 'Peranan Pokok Bakau dalam Ekologi & Pemulihan Biodiversiti' yang memberikan pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan bakau dalam melindungi pesisiran pantai daripada bencana alam seperti hakisan dan kenaikan aras laut.

■ HUSSIN Mohammad (tiga dari kanan) dan Kay Dora Abd. Ghani (dua dari kanan) dalam program Eco Bakau di Pusat Pendidikan Kecil Paya Laut, Nibong Tebal, Pulau Pinang, baru-baru ini.

